

>> Mereka **lanjut** pengajian di luar negara tidak dihantar ke universiti **terbaik** di dunia

Kualiti universiti meningkat

■ Tidak perlu habiskan weang hantar anak belajar ke luar negara

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Kuala Langat


Kualiti pendidikan tinggi tempatan terus menunjukkan peningkatan di peringkat dunia berikutan mempunyai banyak universiti penyelidikan terbaik.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, masyarakat tidak perlu menghabiskan wang yang

banyak untuk menghantar anak mereka ke luar negara sedangkan kualiti pendidikan tinggi tempatan semakin meningkat.

Idris berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ini mengeluarkan peraturan bahawa penuntut ijazah tidak perlu berbuat demikian kecuali bagi peringkat doktor falsafah (PhD) dan ijazah sarjana.

"Ia berikutan Malaysia mempunyai universiti penyelidikan terbaik seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia



“ Malaysia mempunyai universiti penyelidikan terbaik Idris Jusoh ”

IDRIS (kanan) merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Sukan Universiti MAHSA Kampus Bandar Saujana Putra, Kuala Langat.

(UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

“Kebiasaannya, mereka yang melanjutkan pengajian di luar negara dihantar ke universiti terbaik di dunia. Justeru, kos berkali ganda dibelanjakan sedangkan mereka boleh belajar di negara ini termasuk di universiti swasta,” katanya selepas

majlis pecah tanah Kompleks Sukan dan Rekreasi Universiti MAHSA Kampus Bandar Saujana Putra, di sini, semalam.

Turut hadir, Canselor Universiti MAHSA Tun Zaki Azmi dan Pengasas merangkap Pengerusi Eksekutifnya Prof Tan Sri Dr Mohamed Haniffa Abdullah.

Pusat sukan di kawasan

universiti itu membabitkan kos pembinaan RM20 juta dan ia merangkumi kemudahan seperti padang bola, kolam renang, dewan sukan serta gelanggang badminton.

Idris berkata, kualiti pendidikan tempatan semakin meningkat terutama membabitkan pelbagai kedudukan rating dan ranking dunia.

“Menjelang 2020, kita

mensasarkan satu daripada universiti tempatan termasuk dalam ranking 100 terbaik dunia. Ia diikuti satu atau dua universiti terbaik menjelang 2050.

“Memang diakui rakyat tempatan perlu dihantar melanjutkan pengajian di luar negara namun dunia pada hakikatnya turut mengiktiraf Malaysia,” katanya.